

Komuniti Siam Tidak Terpinggir: Asimilasi Komuniti Siam di Tumpat, Kelantan

The Siamese Community is Not Marginalized: Assimilation of the Siamese Community in Tumpat, Kelantan

HASNAH HUSIIN

ABSTRAK

Salah satu masyarakat minoriti yang tidak kurang penting dalam memberikan impak yang besar kepada perkembangan dan pembangunan masyarakat majmuk Malaysia adalah masyarakat Siam. Kajian ini dilakukan bagi melihat percampuran masyarakat Siam dalam masyarakat Melayu di Tumpat, Kelantan. Ini memandangkan masyarakat Siam telah lama bertapak di Malaysia terutamanya di utara negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pengamatan, kajian kepustakaan dan temu bual bagi mendapatkan data. Hasil kajian mendapati masyarakat Siam merupakan masyarakat terawal yang memasuki dan menduduki negeri Kelantan berbanding Cina dan India. Kemasukan masyarakat Siam telah diterima baik oleh masyarakat Kelantan dan mendapat pengiktirafan oleh pemerintah Kelantan turun temurun. Kelantan merupakan antara negeri yang berjaya mengamalkan konsep kesepaduan kaum walaupun golongan minoriti khususnya Siam sangat sedikit. Keunikan peradaban Siam secara tidak langsung telah memberi impak yang besar kepada peradaban acuan Malaysia dari aspek sosio-budaya khususnya di negeri Kelantan.

Kata kunci: Masyarakat Melayu; Masyarakat Siam; Tumpat; majmuk; peradaban acuan Malaysia

ABSTRACT

One of the minority communities that has had a great impact on the development of Malaysia's pluralistic society is the Siamese community. This study was conducted to see the existence of the Siamese community in the Malay community in Tumpat, Kelantan. This is because the Siamese community has long been established in Malaysia, especially in the north of Kelantan. This study uses qualitative methods through observation, literature review, and interviews to obtain data. The results of the study found that the Siamese community was the earliest minority community compared to the Chinese and Indians. The clarity of the Siamese community has been well received by the Kelantan community and has been recognized by the Kelantan government for generations. Kelantan has emerged as a state that successfully practices the concept of racial unity even though there are very few minorities, especially Siamese. The uniqueness of the Siamese civilization has indirectly impacted the Malaysian model civilization from the socio-cultural aspects, especially in Kelantan.

Keywords: Malay society; Siamese society; Tumpat; plurality; Malaysian model civilization

PENGENALAN


Keagungan Tamadun Melayu telah menyebabkan banyak peradaban dunia datang ke Alam Melayu sama ada untuk kepentingan ekonomi, politik dan juga keagamaan. Antara Peradaban Melayu yang terkenal di Alam Melayu adalah Tanah Melayu yang mana ia telah didatangi oleh beberapa kuasa besar dunia seperti Portugis, Belanda, British, China, India, Arab, Siam dan Timur Tengah. Asas kepada kedatangan peradaban luar ke dalam Peradaban Melayu pada waktu itu adalah perdagangan. Malaysia terkenal

dengan kemajmukan masyarakatnya. Masyarakat Melayu, Cina, India, Sikh, Siam dan etnik-etnik Sabah dan Sarawak menjadi penyumbang kepada pembangunan peradaban di negara ini sejak sekian lama. Secara amnya, Dalam hal ini, masyarakat Siam merupakan kaum paling minoriti di negara ini yang mendiami negeri Kelantan, Kedah dan Perlis dan mereka juga memberikan sumbangan yang besar kepada sektor pelancongan negara. Masyarakat Siam secara amnya, paling ramai didapati di negeri Kelantan dan kebanyakannya tertumpu di daerah Tumpat, Kelantan.

LATAR BELAKANG DAERAH TUMPAT

Tumpat merupakan salah satu jajahan dalam negeri Kelantan. Ia terletak di sebelah utara negeri Kelantan. Jajahan Tumpat terletak 15km dari bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Daerah Tumpat dipisahkan oleh Daerah Kota Bharu, Daerah Pasir Mas dan Sempadan Antarabangsa Thailand.

Bersempadanan dengan Daerah Kota Bharu dipisahkan oleh Sungai Kelantan dan Jambatan Sultan Yahya Petra sebagai penghubung. Dalam hal ini, sempadan antarabangsa dengan Thailand di utara Daerah Tumpat dipisahkan oleh Sungai Golok yang hanya boleh direntasi menggunakan feri dan bot sebagai perhubungan utama (<https://mdtumpat.kelantan.gov.my/>).



RAJAH 1. Peta Jajahan Tumpat

Sumber: Wikipedia (<https://commons.wikimedia.org/w/index.php?curid=90888347>)

Dari segi sejarah, Jajahan Tumpat telah dibina pada 1 Januari, 1949 di Kawasan Padang Mahkota iaitu di hadapan kediaman rasmi Ketua Jajahan dan apabila beroperasi telah diterajui oleh Allahyarham Dato' Nik Hussein bin Nik Zainal (Dato' Kaya Setia) selaku Ketua Jajahan yang pertama. Kepesatan pembangunan yang dialami di Jajahan Tumpat pada waktu itu serentak dengan perkembangan pelabuhan dan stesen keretapi yang merupakan nadi perhubungan dan pengangkutan di Pantai Timur. Jajahan Tumpat adalah satu-satunya Jajahan yang paling kecil antara Jajahan di Negeri Kelantan dengan keluasannya hanya 169.5 km². Bagaimanapun Tumpat merupakan jajahan yang paling unik sekali kerana mempunyai dataran dan beratus-ratus buah pulau sungai (river island) yang tidak berbukit yang amat sesuai serta berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan antarabangsa. Jajahan Tumpat ditadbirkan melalui Tujuh Daerah Penggawa dan dibahagikan kepada 30 Mukim. Di setiap Mukim ini pula terdapat beberapa buah kampung yang kesemuanya berjumlah 57 buah dan setiap kampung diketuai oleh seorang penghulu (Ketua Kampung) yang bertindak sebagai

penghubung antara rakyat dan Pentadbiran Jajahan. (<https://mdtumpat.kelantan.gov.my/>).

Kedudukan daerah Tumpat yang terletak di utara negeri Kelantan dan bersempadan dengan Selatan Thailand melalui Sungai Golok memiliki kedudukan geografi yang sangat strategik bagi hubungan Kelantan dan Siam/Thailand. Dari segi etnik, Tumpat terdiri dari pelbagai etnik. Etnik Melayu merupakan etnik terbesar diikuti oleh Siam, Cina, India, Sikh dan lain-lain. Suatu masa dahulu, bandar Tumpat menjadi pelabuhan yang sangat penting kerana lokasinya yang mengadap Laut China Selatan dan pernah menjadi tempat persinggahan kapal dagang dari negara luar seperti Eropah, China, India, Kemboja dan Jepun. (Nik Azman 2022). Justeru itu, terdapatnya stesen keretapi yang menghubungkan laluan darat ke seluruh semenanjung Malaysia sehingga ke Singapura.

Kepesatan pembangunan yang dialami di Jajahan Tumpat pada waktu itu serentak dengan perkembangan pelabuhan dan Stesen Keretapi yang merupakan nadi perhubungan dan pengangkutan di Pantai Timur. Tumpat adalah satu-satunya jajahan yang paling kecil antara jajahan di negeri Kelantan dengan keluasannya hanya 169.5 km². Dalam hal

ini, Tumpat merupakan jajahan yang paling unik sekali kerana mempunyai dataran dan beratus-ratus buah pulau sungai (river island) yang tidak berbukit yang amat sesuai serta berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan antarabangsa. (<https://pjt.kelantan.gov.my/>). Terkini telah tular mengenai Pantai Pulau Suri yang seakan “floating market” di Thailand.

Menurut Faidzal bin Yaakob et al. (2023), Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022 melaporkan populasi di jajahan Tumpat mempunyai 98.6% adalah warganegara, di mana Melayu sebanyak 92.7%, Cina 3.9% dan India 0.1% serta lain-lain etnik 3.3%. Dianggarkan lebih kurang 6,000 orang penduduk etnik Siam yang bertaraf Bumiputera menetap di daerah Tumpat, di mana lebih separuh daripada keseluruhan bilangan komuniti Siam di Kelantan.

KAJIAN DAN PENULISAN TENTANG MASYARAKAT SIAM DI KELANTAN

Eh Mooi A/L Eh Chit (1997) dalam penulisannya yang bertajuk “*Latarbelakang Masyarakat Siam di Kelantan*” memperihalkan tentang beberapa perkara mengenai masyarakat Siam di Kelantan seperti sejarah kedatangan, dialek, ekonomi dan pentadbiran. Dari segi sejarah kedatangan dinyatakan bahawa kemasukan masyarakat Siam ke Kelantan ada kaitan dengan pemerintahan kerajaan Sukhotai sehinggalah ke pemerintahan Raja Ligor seawal abad ke-13. Dari segi aktiviti ekonomi masyarakat Siam majoritinya adalah petani yang menjalankan penanaman padi, sayur-sayuran dan tembakau. Manakala dari aspek keagamaan, mereka memeluk agama Buddha Hinayana dan Theravada. Dalam aspek pentadbiran pula, selain Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan RELA, terdapat juga wat-wat yang berperanan bagi menjaga kebajikan dan kedudukan masyarakat Siam di setiap daerah dan tempat.

Ab. Aziz Mohd. Zin (1998) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Tentang Non-Muslim Keturunan Siam di Kelantan* memperihalkan tentang kehidupan masyarakat minoriti di Kelantan iaitu masyarakat Siam. Kajian ini memfokuskan kepada penerimaan masyarakat Siam terhadap aspek keagamaan. Walaupun pada amnya terlihat masyarakat Siam Kelantan sangat kuat pegangan agama, tetapi pada hakikatnya tidak. Kajian juga memperihalkan tentang perkara-perkara yang masyarakat Siam suka dan tidak suka terhadap masyarakat Melayu atau

Islam di Kelantan. Secara keseluruhan, masyarakat Siam boleh menerima apa sahaja budaya masyarakat Melayu yang mendatangkan kebaikan dan kesan positif kepada hubungan kaum di negara ini, kecuali agama iaitu masyarakat Siam sukar untuk menukar agama kepada agama Islam berbanding agama lain kerana ada beberapa perkara dalam ajaran Islam yang menyebabkan mereka sukar untuk melaksanakan ajaran tersebut seperti berpuasa dan solat.

Suziana Razali (2020) merungkai dan mengesan sejarah awal kependudukan masyarakat Siam Kelantan yang bermula dari Utara Thailand sehinggalah ke Semenanjung Tanah Melayu dan juga untuk mengetahui bentuk sosiobudaya masyarakat Siam Kelantan dengan mengambil kira sejarah asal usul serta menilai penerimaan masyarakat Siam Kelantan terhadap bentuk sosial masyarakat Melayu. Pengkaji merumuskan bahawa sejarah awal kependudukan Siam Kelantan sememangnya berasal dari Sukhothai dan penemuan ini dikuatkan lagi dengan kajian lapangan pengkaji ke Sukhothai, Thailand. Hubungan di antara kedua-dua buah negara terjalin erat kerana nilai sejarah keturunan asal Siam serta pengekalannya identiti asal ini sangat penting untuk generasi akan datang. Selain itu, terdapat juga kajian ilmiah pelajar peringkat sarjana muda iaitu Mohd Zulkiflie Long Meri (2013) dan Siti Aishah Ibrahim (2004). Kajian-kajian ini tidak dinafikan lagi memperkayakan lagi rakaman tentang masyarakat Siam di Kelantan dari pelbagai sudut dan aspek.

Nur Azuki Yusuff (2017) menghimpunkan penulisan para ilmuan dari dalam dan luar negara yang arif berkaitan masyarakat Siam Kelantan. Penerbitan ini secara khusus menceritakan tentang sosiobudaya, kependudukan dan sejarah, dialek seharian (Che Hae) dan bahasa standard masyarakat Siam Kelantan. Penulisan ini merupakan perkongsian ilmu secara holistik berdasarkan pandangan ilmuan Malaysia dan Thailand yang membicarakan tentang kehidupan masyarakat Siam di Kelantan, tema sosiobudaya dan bahasa melalui dimensi yang berbeza. Secara amnya, penulisan ini mengangkat tema transdisiplin sejarah, sosiobudaya dan bahasa terfokus kepada komuniti Siam Kelantan.

Rozmalina Izwanita Mohamed et al. (2018) menjalankan kajian bagi mengetahui sejauh manakah etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan mengidentifikasikan diri mereka, cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan identiti etnik dan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan

identiti mereka sebagai orang Siam di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh budaya barat, pertukaran agama dan kekurangan minat dalam kalangan generasi muda menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka. Antara usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka ialah melalui pengekalan seni bina, penubuhan sekolah bahasa Siam dan sambutan perayaan yang diadakan setiap tahun. Walau bagaimanapun, arus globalisasi tidak berjaya mengubah simbol identiti etnik bumiputera Siam kerana peranan komuniti etnik bumiputera Siam itu sendiri yang kuat untuk mempertahankan identiti mereka dari pupus ditelan zaman.

Faidzal bin Yaakob et al. (2023) mengkaji tentang apakah faktor yang penyumbang kepada keharmonian dan kesepaduan sosial yang melatari integrasi etnik Melayu dan Siam di Kelantan. Hasil kajian mendapati Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berperanan menyuburkan integrasi etnik dan kesepaduan sosial antara kedua-dua etnik itu di Tumpat. Selain itu, faktor ajaran agama, kecerdasan adat dan budaya, semangat kenegerian, dan dasar kerajaan yang terbuka terhadap hak minoriti turut menyumbang kepada perasaan hormat menghormati, toleransi, nilai kasih sayang dan semangat kebersamaan antara etnik Melayu dan Siam.

PERNYATAAN MASALAH

Persoalan mengenai etnisiti dan identiti tetap kekal menjadi antara isu penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Justeru itu, kerajaan Malaysia sentiasa memastikan elemen perpaduan sentiasa diselitkan dalam setiap program dan rancangan pembangunan negara (Anwar Ibrahim 2023):

“Malaysia Madani” tidak akan meminggirkan golongan minoriti meski mengiktiraf Melayu sebagai majoriti. Tunggak negara kita masih majoriti Melayu dan dengan penekanan kepada prinsip Islam, bahasa Melayu dan hak Melayu tetapi kita adalah sebuah negara berbilang kaum”. “Kita tidak mahu negara ini maju tetapi kumpulan rakyat tertentu, sama ada kaum minoriti atau miskin atau di luar bandar atau di Sabah atau Sarawak, masih ketinggalan.”

Kenyataan ini jelas menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan minoriti di negara ini meskipun majoritinya adalah kaum Melayu. Sejak merdeka sehingga kini, meski bertukar kerajaan, masalah perpaduan sentiasa menjadi agenda pembangunan negara. Sarjit Singh Gill (2019)

menjelaskan isu kesaksamaan perlu diberi perhatian oleh pemerintah walaupun ia menjadi isu sensitif untuk diperbahaskan, tetapi pemerintah perlu mempunyai kebijaksanaan untuk menguruskan kaum di negara ini termasuklah kaum minoriti. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki antaranya dengan mewujudkan pangkalan data setiap etnik minoriti bagi memudahkan kerajaan mengenalpasti keperluan dan bantuan yang diperlukan oleh setiap minoriti. Dalam membincangkan isu yang sama, Chin Yee Mun Yee (2019) pula berkata, sukar bagi pembentukan bangsa Malaysia selagi ada kaum terutama minoriti merasakan mereka tertindas dan sentiasa berada dalam keadaan ‘ketakutan’.

Walaupun rakyat Malaysia memahami bahawa Malaysia mengandungi pelbagai kaum dan etnik, namun tidak ramai yang mengenali atau mengetahui secara mendalam tentang kumpulan-kumpulan etnik lain, khususnya mengenai kumpulan-kumpulan etnik minoriti. Kajian oleh Pue Giok Hun et al. (2014) menunjukkan masyarakat di Malaysia mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang cetek mengenai kumpulan etnik minoriti yang ada di negara ini. Perkara ini dikatakan sangat berkait dengan konsep ‘tafsiran autoriti’ yang disusun daripada ilmu dan cara kolonial dalam mengurus kepelbagaian etnik yang ada. Sehingga kini pengetahuan ini menjadi fakta sosial yang diterima oleh masyarakat di negara ini. Secara amnya, dapat dirumuskan isu perpaduan dan isu etnik masih membelenggu masyarakat di negara ini khususnya apabila membicarakan tentang kesaksamaan antara etnik. Masih ada pihak yang melihat kerajaan belum berjaya menyelesaikan masalah ini. Adakah ini benar? Untuk itu, kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan di Kelantan isu etnik minoriti tidak dipinggirkan bahkan mereka diberi hak yang sama dengan kaum lain khususnya Melayu yang merupakan kaum majoriti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan penyelidikan sejarah. Kerangka penyelidikan sejarah akan melalui proses heuristic, kritik, analisis dan historiografi bagi tujuan pembuktian peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku. Metodologi penyelidikan sejarah yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mencapai objektiviti sejarah bagi mendapatkan kebenaran sesuatu peristiwa (Muhammad Aslah 2018). Kajian ini bergantung kepada sumber primer dan sekunder yang tepat bagi menghasilkan kajian sejarah

berdasarkan bukti dan fakta. Dalam melaksanakan kajian ini, penulis menggunakan kaedah kajian keperustakaan iaitu pengumpulan maklumat di perpustakaan seperti artikel, makalah dan laporan jabatan. Selain itu, kajian ini juga bergantung kepada kaedah temuramah dengan individu yang mewakili masyarakat Siam di kawasan berkenaan serta pemerhatian penulis sebagai penduduk asal daerah Tumpat, Kelantan. Secara amnya, kajian ini menggabungkan kedua-dua sumber iaitu primer dan sekunder bagi memantapkan lagi hasil kajian.

DAPATAN KAJIAN

Menurut bekas pesara guru, Eh Chot A/L Cha Chan (2023) yang berasal dari Tumpat, apabila membicarakan tentang masyarakat Siam, perkara pertama dan paling penting yang perlu diperjelaskan iaitu perbezaan antara orang Siam dan orang Thai. Orang Siam merujuk kepada orang Siam yang tinggal di Malaysia dan orang Thai merujuk kepada orang Thai yang tinggal di Thailand. Orang Siam di Kelantan, Kedah dan Perak adalah berbeza walaupun mereka memeluk agama yang sama iaitu Buddha. Begitu juga dari segi loghat percakapan pun tidak sama dan ini mempunyai persamaan dengan orang Melayu yang berbeza loghat mengikut negeri.

Sesetengah berpendapat kedatangan orang Siam ke Kelantan dipercayai telah bermula seiring dengan berlakunya pengaruh Siam di Kelantan sejak awal abad ke-19. Orang Siam yang masuk ke Tanah Melayu khususnya Kelantan pada waktu itu dipercayai berasal dari Selatan Thailand. Dalam hal ini, nenek moyang orang Siam telah berpindah dari Selatan Thailand dan menetap di Kelantan. Pada waktu tersebut juga, Kelantan berada di bawah kekuasaan Siam dan Siam telah memberi perlindungan kepada Kelantan dari ancaman luar. Walau bagaimanapun, pengaruh Siam ke atas Kelantan dikatakan berakhir setelah Kelantan menerima naungan British pada tahun 1909. Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin (tiada Tarikh) secara amnya, tiada catatan yang jelas tentang permulaan dan perpindahan kemasukan orang Siam ke Kelantan, namun dapat ditafsirkan dalam masa wujudnya hubungan persahabatan Kelantan-Siam inilah bermulanya kemasukan orang Siam ke negeri Kelantan. Eh Chot A/L Cha Chan (2023) mengatakan orang Siam telah lama mendiami negara ini lebih awal daripada itu iaitu sejak berkembangnya kerajaan Melayu Nusantara. Jelas beliau, masyarakat Siam adalah penduduk asli kerana mereka telah lama tinggal di sini sejak

beratus tahun. Mereka dikatakan telah bertapak di sini sebelum atau lebih awal dari Perjanjian Bangkok 1909. Ini berdasarkan kepada usia pembinaan ketik/wat yang berusia antara 300-500 tahun. Secara amnya, pada zaman dahulu tiada sempadan negeri, jadi manusia bebas bergerak pada waktu itu. Justeru itu, beliau berpendapat pergerakan masyarakat Siam ke Tanah Melayu khususnya ke negeri Kelantan telah berlaku semasa kerajaan Melayu yang bertapak di Segenting Kra melalui jalan laut. Hubungan rapat antara Kelantan dan Thailand pada waktu itu telah diperkukuhkan lagi dengan kedatangan Raja Chulalongkorn ke Kota Bharu pada tahun 1900.

Kini orang Siam masih menjadi kaum paling minoriti di Kelantan. Kajian mendapati masyarakat Siam kurang bertambah berbanding bangsa lain. Ini disebabkan wujudnya trend tidak suka kepada anak yang ramai, ada yang telah berpindah ke Thailand untuk mencari penghidupan baru dan berkahwin dengan warga di sana. Malahan ramai juga wanita dan pemuda Siam yang berkahwin dengan bangsa lain seperti Cina dan Melayu. Keadaan ini menyebabkan populasi masyarakat Siam sukar untuk bertambah seperti bangsa lain. Dari aspek pekerjaan, hampir 80% masyarakat Siam di Kelantan dan daerah Tumpat khususnya terlibat dalam sektor pertanian moden atau tradisional. Walau bagaimanapun, perubahan zaman menyaksikan ramai masyarakat Siam di sini yang menjadi golongan profesional seperti guru, pensyarah, pegawai kerajaan, peguam, ahli politik dan sebagainya.

Daerah Tumpat dijadikan kawasan kajian kerana masyarakat Siam paling ramai mendiami daerah Tumpat berbanding daerah-daerah lain seperti Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Bachok dan Kota Bahru. Ini berdasarkan kepada bilangan *ketik* (rumah ibadat Buddha) di Tumpat sahaja terdapat lebih dari 12 buah berbanding daerah yang disebut di atas. Pada tahun 2023 dilaporkan terdapat kira-kira 22,000 penduduk Siam di seluruh Kelantan dengan jumlah tertinggi di Tumpat adalah seramai 12,000 orang (Harian Metro, 2023).

KEWUJUDAN KAMPUNG-KAMPUNG SIAM DI TUMPAT

Kemasukan pengaruh Siam di Tumpat dapat dilihat dengan wujudnya perkampungan Siam seperti Kampung Terbak, Gelang Kecik, Kok Seraya, Binjai, Kubang Panjang, Jubakar Darat, Kubang Bemban, Mentua, Bukit Tanah dan Kampung Dalam. Secara amnya, terdapat lebih dari 10 perkampungan

Siam di daerah Tumpat dan kebanyakan kampung ini bertumpu di sebelah utara daerah Tumpat memandangkan daerah ini sangat dekat sempadan Thailand. Daerah Thailand yang bersempadan dengan Tumpat bahagian utara ini adalah Pekan Tak Bai.

Kampung-kampung Siam biasanya berdekatan dalam jarak kurang 10km dan ada yang berada dalam kawasan perkampungan Melayu. Tidak ada banyak beza antara perkampungan Siam dan kampung Melayu kerana binaan rumah sama sahaja. Pendek kata dari segi binaan rumah, tidak menampakkan ciri-ciri binaan Siam dalam pembinaan rumah orang Siam di sini. Untuk membezakan rumah orang Melayu dan orang Siam hanyalah kewujudan anjing yang menjadi binatang peliharaan bagi menjaga keamanan kediaman mereka. Biasanya setiap kampung akan mempunyai wat/ketik masing-masing. Secara amnya, binaan Siam hanya boleh dilihat di wat-wat sahaja.

AGAMA DAN PERAYAAN ORANG SIAM

Secara amnya, kemasukan orang Siam telah membawa bersama mereka agama Buddha aliran Theravada (Hinayana). Kajian oleh Prof Madya Dr. Ab. Aziz mendapati walaupun orang Siam majoritinya adalah beragama Buddha, tetapi pegangan mereka terhadap ajaran dan pengamalan agama ini dalam kalangan mereka adalah sederhana sahaja dan kebanyakan mereka jarang mengamalkan ritual yang diwajibkan ke atas mereka. Tetapi disebabkan institusi *ketik* (wat) menjadi pusat kehidupan dan pengikat yang kuat antara komuniti menyebabkan mereka kelihatan kuat berpegang kepada agama. Terdapat lebih kurang 22 buah wat di Tumpat dan jumlah ini dikira agak banyak memandangkan kedudukan Tumpat berdekatan dengan Thailand. Antara wat-wat yang terdapat di sekitar Tumpat adalah:

1. Wat Chonprachumthat Chanaram, Kampung Dalam, Tumpat
2. Wat Phikulthong, Kampung Terbak, Tumpat
3. Wat Prachumthat Canaram, Kampung Jebok, Tumpat
4. Wat Phothivihan Buddhist Temple, Kampung Ana, Tumpat
5. Wat Kok Seraya Buddhist Temple, Kampung Kok Seraya, Tumpat
6. Wat Mai Suwankhiri, Kampung Dalam, Tumpat
7. Wat Machimmaram Kampung Jubakar, Tumpat
8. Wat Prachumthat Chanaram, Kampung Jubakar Darat, Tumpat
9. Wat Pikunyai, Pengkalan Kubor, Kampung Baroh Kok Pauh

Pembinaan wat-wat pada zaman dahulu adalah hasil sumbangan orang ramai, pembesar Melayu dan juga Sultan Kelantan. Wat tertua di Kelantan adalah terletak di Kampung Dalam, Tumpat yang mana tukang yang membina wat ini adalah orang Melayu yang mana beliau adalah tukang yang sama dalam mendirikan masjid di Danok, Thailand. Apa yang unikinya orang Siam Kelantan dengan orang Islam Kelantan adalah, Ketua Agama Buddha mendapat pengiktirafan dari Sultan Kelantan. Dalam hal ini, Majlis Ugama Buddha Kelantan (sangkha) menerima watikah pelantikan daripada Sultan Kelantan. Pelantikan ini telah menjadi salah satu adat resam negeri Kelantan. Secara amnya, ada antara wat-wat pada asalnya adalah tanah raja-raja Melayu. Contohnya raja telah memberikan kebenaran untuk mendirikan Wat Mai Suwankhiri yang mana orang Siam telah meminta kebenaran dengan sultan Kelantan bagi mendirikan wat tersebut. Perkara ini juga diakui oleh Faidzal bin Yaakob et al. (2023) bahawa dasar kerajaan yang terbuka terhadap hak minorti menjadi menyumbang kepada perasaan hormat menghormati, toleransi, nilai kasih sayang dan semangat kebersamaan antara etnik Melayu dan Siam.




FOTO 1. Watikah Pelantikan Ketua Buddha oleh Istana Kelantan, ia menjadi salah satu adat resam kerajaan negeri Kelantan



FOTO 2. Sami-sami Buddha
Gambar ehsan: Phorn Thamdee

Pada masa kini, wat-wat selain dijadikan rumah ibadat dan kegiatan sosial masyarakat setempat, ia juga menjadi tempat untuk memperkembangkan Bahasa Thai melalui pembinaan sekolah Bahasa Thai. Ia ditubuhkan di bawah kelolaan Majlis Sangkha negeri Kelantan dan pada masa ini sudah ada 12 buah. Sukarelawan yang mengajar hampir keseluruhan terdiri dari masyarakat Siam dan kelasnya hanya pada hari Sabtu dan Ahad. Ia mengajar Bahasa Thai dan agama Buddha.

Perayaan utama masyarakat Siam di Tumpat adalah Perayaan Songkran, Loikratong dan Hari Wesak. Perayaan Songkran merupakan sambutan

tahun baharu masyarakat Siam yang disambut pada April setiap tahun bagi menghormati ibu bapa. Perayaan ini lebih kurang sama dengan perayaan lain yang mana semua ahli keluarga perlu balik menemui ibu bapa mereka. Pada pagi perayaan, anak-anak akan menziarahi kubur dan selepas itu mereka akan balik untuk memandikan ibu bapa mereka. Hari Wesak adalah hari bagi memperingati hari lahir Buddha. Manakala Loikratong atau dikenali sebagai “kartina” adalah masa untuk orang Siam melepaskan hajat masing-masing dengan cara menghanyutkan barang-barang ke sungai. Ia disambut pada setiap bulan November setiap tahun.



FOTO 3. Pakaian kesenian masyarakat Siam
Gambar ehsan: Phorn Thamdee

KAITAN WAT DAN SERAMBI MEKAH

Apakah kaitan Wat dan Serambi Mekah? Ramai yang sudah sedia maklum bahawa negeri Kelantan adalah negeri yang ditadbir oleh pemerintah Islam dan syiar Islam adalah asas kepada pentadbiran Kelantan. Kewujudan wat-wat yang sangat banyak di negeri Kelantan seakan menimbulkan persoalan bagaimana negara yang ditadbir oleh Islam tetapi pada masa yang sama agama lain iaitu Buddha berkembang pesat dan dibina imej-imej Buddha terbesar. Bagi menjawab persoalan ini, menurut Eh Chot, ia ada kaitan dengan sejarah, iaitu pengaruh peradaban Siam ini telah lama berada di Kelantan dan ia sudah sebatian dengan kehidupan masyarakat di Kelantan.

ASIMILASI MINORITI SIAM DAN MELAYU

Asimilasi kaum antara orang Melayu dan orang Siam di Tumpat sudah lama berlaku. Asimilasi orang Siam dengan budaya Melayu dapat dilihat dari segi pemakaian dan pemakanan serta aktiviti seharian mereka dilakukan bersama-sama. Contohnya seperti dari aspek aktiviti ekonomi, masyarakat di sini mengamalkan ekonomi pertanian sara diri seperti penanaman sayur-sayuran sama ada Melayu atau Siam. Aktiviti ini dilakukan dalam kawasan yang sama dan tidak wujud pembahagian kawasan pertanian mengikut kaum. Hubungan rapat antara orang Melayu dan orang Siam dari aspek ekonomi diperkukuhkan lagi apabila ada antara orang Siam yang menggaji pekerja dari kalangan orang Melayu dan juga menjadi orang tengah yang

membeli sayur-sayuran dari penanam sayur orang Melayu. Kedua-dua kaum juga bersama-sama berniaga di pasar pagi dan pasar malam yang sama. Percampuran Siam dan Melayu di sini dipereratkan lagi di majlis-majlis perkahwinan di mana orang Melayu tidak lupa untuk menjemput orang Siam menghadiri majlis perkahwinan Melayu dan orang Siam juga menjemput orang Melayu ke majlis perkahwinan orang Siam. Dalam hal ini, orang Siam akan mengadakan hari yang khas untuk mereka menjemput tetamu orang Melayu dan menggunakan tukang masak/catering khas yang ditempah dari orang Melayu.

Hubungan rapat dengan kaum Melayu menyebabkan ada antara orang Siam yang menggunakan nama Melayu atau panggilan Melayu dan tidak menggunakan nama sebenar. Perkara ini juga diakui oleh Pengerusi Persatuan Siam Kelantan, Pim Chau Dam di mana beliau mengatakan asimilasi budaya yang telah sebatian dan berakar umbi sejak zaman nenek moyang menjadikan mereka seperti bersaudara. Masyarakat di sini tidak pernah rasa asing, sebaliknya kemesraan dan hubungan baik dengan masyarakat Melayu sangat erat tanpa sebarang prejudis dan mereka juga menghormati dan menjunjung tinggi Perlembagaan negara. Menurut beliau lagi, ramai dalam kalangan orang Siam khususnya di sekitar Tumpat juga memiliki nama panggilan Melayu seperti Mat, Pak Ali dan Pak Daud sehingga mereka lebih dikenali dengan nama tersebut berbanding nama asal. Secara umumnya, asimilasi kaum antara orang Siam dan Melayu sangat berjaya di daerah Tumpat (Harian Metro 2023). Asimilasi kaum Melayu dan Siam dipereratkan lagi melalui sistem pendidikan. Asimilasi pendidikan telah berlaku sejak sekolah rendah sehingga menengah. Jadi, kedua-dua bangsa telah terasimilasi sejak kecil dan tidak menjadi masalah besar apabila anak-anak Melayu dan Siam ini bersekolah di sekolah menengah. Mungkin disebabkan di daerah Tumpat kurangnya Sekolah Jenis Kebangsaan menyebabkan kedua-dua kaum menerima pendidikan yang sama di peringkat sekolah rendah.

Sebagai masyarakat minoriti di Tumpat, orang Siam tidak pernah merasa terpinggir atau terasing dalam menjalani kehidupan dengan komuniti Melayu kerana perpaduan yang utuh telah terbina sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Masyarakat Siam di sini bukan sahaja fasih menggunakan dialek Kelantan, malahan pakaian, gaya hidup dan pemakanan adalah tidak jauh beza dengan orang Melayu. Menurut Eh Chot, hubungan rapat antara orang Melayu dan

orang Siam pada masa lampau dapat dilihat orang Siam ikut sama pergi sembahyang Jumaat dan jika ada majlis keramaian orang Siam, orang Melayu juga akan turut serta. Disebabkan hubungan yang terlalu rapat, menyebabkan mereka tidak merasa konflik. Tambah beliau lagi, dalam konteks hari ini, masyarakat kita sama ada pihak atasan atau masyarakat bawahan mereka kebanyakannya kurang memahami kehidupan masyarakat Siam kerana kurangnya pendedahan.

SUMBANGAN KOMUNITI SIAM DALAM SEKTOR PELANCONGAN

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin (2017) berkata, kebudayaan etnik Siam tetap penting bagi mewakili masyarakat majmuk di negara ini.

“Sektor pelancongan adalah sektor yang lumayan dan kepelbagaian elemen boleh dirangkumkan termasuk budaya etnik minoriti masyarakat Siam.” Apabila bergelar kaum minoriti, jangan kita anggap tidak penting kerana keunikan budaya mereka boleh dipamerkan di mata umum”.

(Siti Rohana Idris. 2017)

Secara amnya, pengaruh peradaban Siam di Kelantan telah membantu memperkembangkan ekonomi khususnya pelancongan di Kelantan. Kekayaan budaya masyarakat di sini telah menarik pelancong daripada dalam dan luar negara untuk melawat Kelantan. Kewujudan ketik Buddha (rumah ibadat) dan pembinaan imej-imej Buddha. Masyarakat Siam di sini tidak gemar menggunakan menggunakan perkataan patung Buddha dan mereka menyarankan agar orang luar memanggilnya dengan perkataan imej Buddha. Ini kerana patung itu pada pendapat mereka adalah merujuk kepada boneka yang dibuat untuk permainan dan hiburan manusia. Berlainan dengan perkataan Imej Buddha yang melambangkan diri Buddha dalam menyampaikan ajarannya. Di beberapa kawasan di daerah Tumpat telah menjadikan ia sebagai tarikan utama pelancong ke Tumpat, Kelantan. Ramai pelancong datang ke Kelantan bukan sahaja disebabkan oleh tarikan imej Buddha yang terkenal di Asia itu terletak di Tumpat, tetapi juga disebabkan keunikan budaya masyarakat Siam di sini. Dalam hal ini setiap wat mempunyai binaan imej Buddha yang unik dan tersendiri. Antaranya seperti Wat Pothivihan, di Kampung Jambu, terkenal dengan binaan imej Buddha dalam keadaan tidur. Manakala Wat di Bunohan membina imej Buddha dalam posisi duduk terbesar di Asia.



FOTO 4. Imej Buddha di Wat Machimmaram di Tumpat



FOTO 5. Imej Buddha Tidur di Wat Pothivihan, Tumpat



FOTO 6. Imej Buddha Wat Chonprachumthat Chanaram, Tumpat



FOTO 7. Imej Buddha di Wat Prachumthat Canaram, Tumpat

KESIMPULAN

Apa yang dapat disimpulkan dari perbincangan ini adalah wujudnya “keunikan” yang mana iasukar untuk didapati di mana-mana bahagian dunia ini apatah lagi Malaysia yang terkenal dengan kemajmukan masyarakatnya. Setiap negara mempunyai cara yang berbeza, tetapi yang menyatupadukan mereka semua adalah konsep meraikan keunikan budaya bangsa lain. Itulah yang menjadikan negara ini mampu mempertahankan perpaduan dan keamanan dari sejak selepas merdeka sehingga kini. Keunikan ini diperhebatkan lagi apabila setiap kaum di Malaysia walaupun ia kaum paling minoriti tetap memberi sumbangan kepada pembangunan negara sama ada dari aspek ekonomi atau budaya. Dalam kajian ini didapati bahawa sikap pemerintah sehinggalah kepada masyarakat bawahan atau seluruh lapisan

masyarakat di sini tidak mengganggu kaum minoriti sebagai kaum yang terasing, malahan mereka juga dianggap keluarga Malaysia yang besar. Mereka juga ada hak dan hak ini diberikan sepenuhnya oleh pemerintah Kelantan sepertimana masyarakat lain. Inilah faktor yang menjadikan masyarakat Malaysia dikagumi oleh masyarakat luar, berbeza tetapi tetap bersatu dalam apa jua aspek kehidupan. Akhir sekali didapati bahawa pemerintah memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian kesepaduan sosial masyarakat dari dahulu sampai sekarang.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 1998. Kajian tentang *non-Muslim* keturunan Siam di Kelantan. *Jurnal Usuluddin* 8: 41-50.
- Eh Mooi A/L Eh Chit. 1997. Latar belakang masyarakat Siam di Kelantan. Monograf Perbadanan Muzium Kelantan, 1997.

- Faidzal Yaakob, Marwan Ismail & Malike Ibrahim. 2023. Kesepaduan dalam kepelbagaian: Integrasi dan perpaduan antara etnik Melayu dan Siam di Kelantan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8(7): e002402.
- Geraldine Tong & Isabelle Leong. 2023. PM: Malaysia madani tak akan pinggirkan golongan minority, 19 Januari 2023. *Malaysiakini.com.my*.
- Harian Metro*. 2023. Minoriti Siam Kelantan tidak rasa terasing, hidup harmoni dalam kemerdekaan, 10 September 2023.
- Hasnah Hussiin. 2022. *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Kuala Lumpur: Max Union Publication.
- Mohd Zulkiflie Long Meri. 2013. Adat dan budaya masyarakat Siam: Kajian kes di Kampung Balai, Bachok, Kelantan. Tesis PhD. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sasastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2018. Propaganda British di Tanah Melayu pada zaman perang dunia pertama (1914-1916). *Jurnal Komunikasi* 34(4): 19-41.
- Nik Azman N. 2020. Tumpat sebagai bandar warisan. Akses pada 26 Julai 2022, <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/>.
- Nur Azuki Yusuff. 2017. *Masyarakat Siam Kelantan - Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa*, UMK.
- Pue Giok Hun & Charanjit Kaur. 2014. Identiti etnik minoriti di Malaysia: Antara realiti sosial tafsiran autoriti dan tafsiran harian. *Akademika* 84 (1 & 2): 57-70.
- Rozmalina Izwanita Mohamed, Lee Yoke Fee, Sarjit Singh A/L Darshan Singh & Mohd Fauzi Fadzil. 2018. Cabaran dan usaha pengekal identiti etnik bumiputera Siam. *Jurnal Pertanika* 5(1): 389.
- Siti Aishah Ibrahim. 2004. Sejarah penempatan masyarakat Siam-Kelantan: Kajian kes di jajahan Tumpat. Tesis PhD. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Siti Rohana Idris. 2017. Etnik Siam turut sumbang dalam sektor pelancogan. *Berita Harian*, 5 Ogos 2017.
- Suziana Razali. 2020. Masyarakat Siam Kelantan: Sejarah, kependudukan dan perkembangan sosiobudaya. Tesis pasca siswazah, Universiti Malaysia Kelantan.

Hasnah Hussiin
 Pusat Sains Kemanusiaan
 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
 26600 Pekan, Pahang
 Emel: hasnah@umpsa.edu.my

Temuramah

Eh Chot A/L Cha Chan, Pesara Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pasir, Tanah Merah. Berpendidikan B.A. (Hons) dan Diploma Pendidikan (UM). Umur 76 tahun (2023).